

# Mahathir cabar pelajar lelaki

UM 27 AUG 2003

**S**HAH ALAM 26 Ogos — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed menca-  
bar pelajar lelaki Melayu supaya bersungguh-sungguh menguasai ilmu agar dapat mengimbangi nisbah 50:50 jumlah penuntut wanita dan lelaki di institusi pengajian tinggi di negara ini.

Dr. Mahathir berkata, beliau masih tidak dapat menerima hakikat kenapa penuntut wanita melebihi 70 peratus daripada jumlah penuntut lelaki di institusi pengajian tinggi.

“Wahai pemuda Melayu, di mana kamu? Kalau berani cuba berlumba-lumba dengan penuntut wanita. Saya cabar kamu menguasai ilmu, saya mahu lihat 50-50 (imbangan pelajar lelaki dan perempuan),” katanya,

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Festival Kemerdekaan 2003 di Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan pecah tanah di kampus induk UiTM Shah Alam 2 di Stadium UiTM di sini malam ini.

Lebih 10,000 warga universiti itu hadir pada majlis tersebut.

Perdana Menteri menjelaskan bahawa cabarannya kepada pelajar lelaki itu tidak bermakna kerana akan mengurangkan jumlah pelajar wanita di universiti, sebaliknya ia mahu menambah bilangan jumlah pelajar lelaki.

Dr. Mahathir berkata, beliau amat sedih kerana mendapati tidak ramai penuntut lelaki yang memasuki universiti.

Bagaimanapun, beliau bersyukur kerana pelajar

wanita bertanggungjawab dan sanggup menanggung berbagai tugas yang dulunya hanya dikuasai oleh lelaki.

Dalam ucapannya itu, beliau menarik perhatian mengenai taklimat bajet 2004 yang dihadapinya petang tadi yang mana empat daripada tujuh pegawai yang terlibat dalam penyediaan bajet itu adalah wanita.

“Sampai bila kita kena bergantung kepada kaum wanita untuk tugas ini?”

Dr. Mahathir turut menegaskan bahawa bangsa yang mampu membendung nafsu adalah bangsa yang dapat mencapai kejayaan.

Di samping itu, Perdana Menteri mengingatkan bahawa seseorang pelajar tidak hanya memadai memasuki universiti tetapi

mereka haruslah bertekad untuk mencapai kelulusan yang terbaik.

Dr. Mahathir berkata pelajar perlu menguasai ilmu bukan untuk diri sendiri sahaja tetapi bagi kemajuan agama, negara dan bangsa.

Sementara itu, UiTM dalam satu kenyataannya memberitahu, projek Kampus 2 Shah Alam di Bandar Puncak Alam, Kuala Selangor di sini bertujuan menampung keperluan mendesak UiTM untuk menyediakan ruang pembelajaran bagi pelajarannya.

Kampus 2 Shah Alam itu di atas tapak seluas 400 hektar mampu menempatkan 20,000 pelajar dan bakal menyediakan 15 buah fakulti dan jabatan akademik bersama kemudahan berpusat berke-  
lompok.